



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

28 OGOS 2020 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

28 OGOS 2020 (JUMAAT)

Kita masih belum lagi merdeka



Sekiranya masih mengagungkan produk luar

Bebas tapi tak bebas! Itulah reaksi majoriti responden yang ditemui apabila diajukan soalan berkenaan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama tiga bulan sejak 18 Mac lalu.

Tiga bulan sebenarnya bukanlah lama tetapi kerana terpaksa duduk di rumah dengan aktiviti yang terhad, maka kita berasa seolah-olah terkurung. Itu yang dinamakan merdeka tapi tak bebas.

Kita perlu bersyukur kerana semasa PKP kita masih boleh bergerak bebas di rumah. Kita masih boleh makan dan minum. Kita boleh menonton TV, YouTube dan *work-from-home*.

Ketika ketua keluarga pula boleh keluar rumah untuk membeli barang keperluan, kita masih merasakan itu bukan erti 'kemerdekaan' yang sebenar.

Jadi apakah maksud kemerdekaan yang sebenar? Kebebasan untuk bermain, beriadah, berkumpul atau lepak dengan kawan-kawan sehinggalah aktiviti mengikut masa dan tempat yang kita sukai?

Itu mungkin betul. Dulu kita ambil sambil lewa. Kata orang putih, *we take things for granted*. Bila sedikit sahaja kebebasan itu dinafikan oleh virus yang sangat halus sifatnya hingga tidak kelihatan dengan mata kasar, kita sudah mengeluh.

Surau dan masjid jadi suryi. Jalan raya jadi sepi. Pasar raya tidak ramai pengunjung. Kedai makan kosong. Tiada orang berjoging dan bermain di taman rekreasi.

Ada sinar di hujung terowong bila Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) diperkenalkan. Ibarat 'mati hidup semula'. Walaupun ada yang menganggap norma baharu dengan prosedur operasi standard (SOP) yang menyusahkan, tapi itu lebih baik berbanding hidup terkongkong dalam rumah semasa PKP.

Namun memakai pelitup muka, mencuci tangan dengan sabun atau pensanitasi serta berbaris menunggu giliran untuk memasuki sesebuah premis, mengambill suhu badan dan mendaftarkan kehadiran tidak lagi menjadi keletihan kerana kita telah melalui saat yang lebih getir.

Kini, ramai rakyat Malaysia sudah pandai menyebut istilah baharu yang tak pernah tertintas di fikiran kita sebelum ini. Jarak sosial atau jarak fizikal, SOP, pandemik, kumulatif dan beberapa terminologi lain

menjadi lingo dalam perbualan harian.

Enam bulan telah berlalu. Kebetulan bulan ini kita akan merayakan Hari Kebangsaan atau Kemerdekaan Malaysia yang ke-63.

Fikir-fikir, kita ibarat merdeka kali kedua. Pertama, merdeka daripada penjajahan British pada tahun 1957 dan kini merdeka daripada PKP dan Covid-19.

Justeru, kita harus menghargai kemerdekaan ini. Malah kita harus menjaga seutuhnya supaya kemerdekaan itu dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

Jiwa merdeka, minda merdeka dan semangat merdeka mestilah diterapkan dalam diri semua rakyat Malaysia secara berterusan supaya patriotisme orang kita sentiasa tinggi dan cinta terhadap negara sentiasa mendalam.

Tapi apakah erti sebenar jiwa dan minda merdeka? Bagaimana caranya memantapkan erti kemerdekaan itu?

Cinta dan hormat kepada lambang negara seperti lagu kebangsaan, Jata Negara dan Jalur Gemilang adalah sebahagian daripada tanda jiwa dan minda merdeka.

Memasang Jalur Gemilang di rumah, di pejabat, di kenderaan dan di taman perumahan adalah sebahagian pencernaan nikmat merdeka itu. Apa lagi?

Kita banyak melihat cara menzahirkan erti kemerdekaan dari sudut lambang dan simbol negara namun kita kurang mendalaminya dalam bentuk pengorbanan dan kesetiaan.

Penangan Covid-19

Covid-19 banyak mengajar kita. Covid-19 telah memberi erti baru terhadap kehidupan seharian, hidup beragama, hidup bermasyarakat dan bernegara.

Pertama, kita mesti pastikan kemerdekaan itu tidak dirampas semula oleh virus Covid-19. Kita tak mahu PKP kali kedua.

Kita mesti patuh dengan semua SOP sama ada suka atau tidak, senang atau susah. Kepatuhan ini merupakan penterjemahan rasa cinta kepada negara lahir daripada jiwa yang merdeka.

Kedua, kita semua tahu hampir semua sektor ekonomi negara terjejas. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menguncup sebanyak 6.7 hingga 12 peratus dalam suku kedua tahun ini. Indeks perdagangan borong dan runcit mencatatkan penurunan sehingga -6.1 peratus bagi suku pertama tahun 2020.

Malah situasi ini semakin parah pada suku kedua tahun ini dengan pertumbuhan sektor ini terus mengalami penguncupan sehingga -23.4 peratus.

Penguncupan yang sama turut dirasakan oleh pengusaha pasar raya dan mall yang mengalami penurunan sehingga 41 peratus manakala pusat membeli-belah mengalami penurunan sehingga 63 peratus.

Jika ia berterusan, impaknya sangat menakutkan. Banyak kedai akan tutup. Kilang juga akan terjejas. Ramai pekerja akan hilang pekerjaan dan sumber pendapatan.

Justeru, membangunkan semula ekonomi negara yang terjejas teruk akibat Covid-19 dan PKP adalah pencernaan semangat merdeka rakyat Malaysia yang sejati.

Cara paling mudah ialah menghidupkan dan merancakkan kembali sektor peruncitan agar pengguna tidak hanya membeli barang keperluan tetapi barang-barang yang lain.

Dengan itu, wang akan berkitar. Kilang akan menambahkan bekalan, produk baru akan dilahirkan dan pekerja tidak akan hilang pekerjaan.

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Elwal Pengguna (KPDNHEP) telah melancarkan Pro-

gram Jualan Malaysia (PJM) dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) bermula Julai sehingga Disember 2020 sebagai pemangkin dan enjin pemulihan ekonomi negara terutama dalam sektor peruncitan.

Jiwa yang merdeka, semangat yang patriotik harus menyambut dan mendukung kedua-dua kempen ini. #belanjauntukMalaysia, #barangbaikbarangkita dan #kitajagakita adalah slogan murni anak Malaysia yang merdeka.

Kita belum cukup merdeka jika kita masih pentingkan jenama berbanding kualiti. Kualiti produk Malaysia tak kurang hebatnya. Begitu juga dengan penampilan dan gayanya. Menepati semua cita rasa apalagi cita rasa kita sendiri.

Kita belum lagi merdeka kalau kita masih mementingkan jenama asing dan meminggirkan produk tempatan. Sedangkan banyak produk kita telah dieksport ke luar negara.

Hanya jiwa yang tidak merdeka sahaja yang merasa inferior dan memperlekehkan produk kita sendiri. Sampai bila? Kita sebenarnya yang telah menyebabkan produk kita tidak mendapat perhatian dan tidak dapat bersaing dengan produk lain.

Kita masih lagi dijajah jika kita sanggup keluar negara untuk *shopping* atau membeli atas talian di *market place* asing dan rela aliran wang kita keluar negara dengan membeli barangan luar.

Jiwa yang benar-benar merdeka akan *menyahut* seruan kerajaan untuk keluar berbelanja di mana wang yang dibelanjakan itu akan berputar dalam negara untuk memperbanyakkan peluang pekerjaan, meningkatkan produksi dan kualiti produk kita. Natijahnya akan memulihkan ekonomi negara.

Jiwa yang benar-benar merdeka akan sentiasa mengutamakan Malaysia daripada kepentingan kelompok, kaum dan apa jua yang mengesampingkan negara.

Hanya jiwa dan orang yang benar-benar merdeka akan sentiasa menjaga keharmonian hidup berbilang kaum, agama dan budaya berdasarkan kontrak sosial seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia yang telah disepakati bersama.

Minda yang merdeka tidak hanya mendengar dan mendengarkan lagu *Saya Anak Malaysia, Tanggal 31 Ogos, Dirgahayu, Ayuh Kita Merdeka* dan lain-lain lagu patriotik.

Terjemahkanlah jiwa merdeka dan rasa cinta itu di segenap hidup yang bertamadun dan beretika sehingga satu hari nanti Malaysia kembali menjadi contoh negara majmuk yang dihormati dunia. Amin.

DIRGAHAYU MALAYSIA
 SELAMAT MENYAMBU
 HARI KEBANGSAAN KE-63
 MALAYSIA PRIHATIN

#dirgahayuMalaysia
 #Malaysiaprihatin
 #belanjauntukMalaysia
 #barangbaikbarangkita

Pasarkan produk ke luar negara

Agensi pembangunan usahawan disaran bantu PKS

Oleh HASNIZA HUSSAIN

SUNGGAI BULOH

Agensi pembangunan usahawan atau badan usahawan di negeri-negeri khususnya disaran untuk tampil bekerjasama membantu usahawan atau pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi memasarkan produk mereka ke luar negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, ia amat penting supaya golongan tersebut mempunyai ilmu dalam mempertingkatkan produk mereka termasuk dari segi pembungkusan serta kualiti barangan.

Beliau berkata, dengan adanya sokongan dari segi latihan

atau bimbingan daripada agensi pembangunan usahawan atau badan ekonomi di negeri-negeri ini akan lebih memudahkan usaha untuk usahawan atau PKS tersebut menentengahkan produk mereka yang benar-benar bermutu.

"Jadi produk-produk mereka dapat dipastikan dari segi kualiti agar setanding dengan produk luar negara.

"Apabila produk PKS kita terbukti bermutu, saya yakin ia mampu untuk menembusi pasaran luar negara dengan mudah," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia@The Store 2020 di Market Place by The Store, SB Mall di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad; Ketua Pegawai Operasi Kumpulan The Store, Cheng Ta Chih dan Pengurus Besar Bahagian Pasar Raya Kumpulan The Store, Mark Loo.

Selain itu beliau berkata, ke-



Rosol (tiga dari kanan) ketika membuat gimik pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia@The Store 2020 di SB Mall, Bukit Rahman Putra semalam.

rajaan turut menyediakan latihan serta bimbingan kepada peruncit serta golongan PKS bagi meningkatkan mutu produk mereka agar setanding dengan produk antarabangsa, di samping mendedahkan mereka tentang platform e-dagang supaya produk mereka boleh dipasarkan ke mana-mana sahaja.

Dalam perkembangan sama, Rosol berkata, kerajaan juga positif dapat meningkatkan pencemaran produk PKS tempatan ke dalam sektor peruncitan terutamanya di rangkaian pasar raya

di negara ini.

Tambahnya, ia disebabkan pada tahun 2015, sejumlah 17,771 *stock keeping unit* (SKU) produk PKS tempatan telah disenaraikan di rangkaian pasar raya besar negara dengan nilai hasil jualan berjumlah RM163,721,602 juta.

"Pada tahun 2019, ia mencatatkan peningkatan penyenaaran produk kepada 31,009 SKU dengan nilai hasil jualan berjumlah RM667,368,501 juta.

"Saya percaya dengan usaha berterusan dan kerjasama di an-

tara KPDNHEP dan peruncit di negara ini, jumlah ini akan terus dipertingkatkan bukan sahaja untuk penembusan dalam negara malah untuk pasaran eksport," katanya.

Sementara itu, Mark dalam ucapannya berkata, bagi kempen Beli Barangan Malaysia@The Store 2020 pihaknya menyasarkan sebanyak 80 peratus produk tempatan buatan Malaysia bagi menggalakkan pelanggan membeli barangan buatan tempatan termasuk barangan keperluan harian, keperluan isi rumah, peralatan elektrik dan banyak lagi.

"Pelbagai aktiviti menarik dan program dilancarkan sepanjang kempen antaranya melalui tawaran penjimatan hebat sehingga 30 peratus untuk produk tempatan, tawaran harga rata-rata dari RM5 dan RM10, aktiviti belian dengan belian, peraduan dan sebagainya.

"Kita juga menyediakan platform e-dagang iaitu The Store Online dan Pacific Online sebagai medium promosi yang memberikan pilihan kepada pengguna melakukan transaksi pembelian atas talian," katanya.

Kantoi simpan, jual baja subsidi

Bukit Kayu Hitam: Sebuah gudang yang menyimpan 212,040 kilogram (kg) pelbagai jenis baja pertanian diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah, 18 Ogos lalu.

Semua guni baja bersubsidi itu disimpan dalam gudang berkenaan yang terletak di Jalan Datuk Kumbang, Alor Setar dan diserbu jam 4.35 petang.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kedah, Mohd Shahrhan Mohd Arshad berkata, ketika serbuan dilakukan terdapat seorang lelaki berusia 40-an berada di gudang berkenaan.

Beliau berkata, lelaki itu ditahan untuk diambil rakaman percakapan bagi siasatan lanjut.

"Hasil maklumat dipercayai beroperasi lebih kurang 20 tahun dalam bidang urus niaga jual beli baja.

"Berdasarkan maklumat yang diperolehi, baja yang mempunyai berat antara 20kg, 25kg dan 50kg itu kemudian akan dibungkus semula dalam satu bungkusan dengan kuantiti 50kg, tetapi dijual melebihi harga subsidi," katanya pada sidang media di stor KPDNHEP, di sini, semalam.

Mohd Shahrhan berkata, pihaknya percaya baja yang dibungkus semula itu dipercayai dijual pada pihak tertentu dengan

RM287,874

Nilai semua
baja yang
dirampas

harga RM100 untuk 50kg.

Beliau berkata, mereka mampu mengaut keuntungan antara RM40 hingga RM50 untuk satu kampil baja yang dibungkus semula itu.

"Satu kampil baja bersubsidi biasanya dijual kurang dari RM30 bergantung pada beratnya.

"Berikutan itu semua baja itu dirampas dan nilainya mencecah RM287,874," katanya.

Mohd Shahrhan berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang sama iaitu berurusan secara borong atau runcit apa-apa barang berjadual tanpa lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan 4.

Beliau berkata, sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi satu juta atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.



MOHD Shahrhan (tengah) melihat baja pertanian yang dirampas di sebuah gudang di Jalan Datuk Kumbang.



**Senarai Harga
Barang Keperluan**

Barang	Harga (kg)
• Ayam	RM5.10
• Daging Lembu Tempatan	RM32
• Daging Lembu Import	RM20
• Telur Gred A (30 biji)	RM9.99
• Ikan Kembung	RM5.99
• Minyak Masak	RM5.20
• Gula Pasir	RM2.75
• Bawang Besar Holland	RM1.90
• Bawang Putih	RM3.90
• Cili Merah	RM6.90
• Kubis Tempatan	RM1.80
• Tepung Gandum	RM1.35

Sumber: KPDNHEP